

## Trek Pendakian Di Negeri Sembilan Dibuka Semula



### **Trek pendakian di Negeri Sembilan dibuka semula**

**JABATAN** Perhutanan Negeri Sembilan, membuka semula 10 kawasan hutan lipur dan sembilan trek pendakian yang berada dalam kawasan hutan simpanan kekal di Negeri Sembilan kepada orang awam sejak 14 Januari lalu.

Pengarahnya, Saleh Awaludin berkata, kesemua kawasan tersebut kembali dibuka selepas ia ditutup sejak 1 Disember tahun lalu berikutan musim tengkujuh dan risiko kejadian kepala air.

Katanya, bagi hutan lipur, ia

membabitkan 10 kawasan iaitu Taman Eko Rimba Ulu Bendul, Batu Maloi, Jeram Tengkek, De Bana, Serting Ulu, Gunung Datuk, Gunung Tampin, Pasir Panjang, Lenggeng dan PD Forest.

Bagi trek pendakian pula, ia melibatkan Gunung Angsi, Gunung Tampin, Gunung Datuk, Bukit Senaling, Bukit Baginda, Bukit Batu Sawa, Bukit Batu Beras, Bukit Perajah dan Bukit Galla.

Bagaimanapun, masih ada lagi

kawasan yang ditutup kepada orang ramai seperti Gunung Berembun di Seremban, Jeram Toi dan Kenaboi di Jelebu atas faktor keselamatan.

■ **BEBERAPA** pendaki yang dilihat memulakan pendakian di Gunung Angsi, Kuala Pilah selepas Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan kembali membuka trek pendakian di negeri ini kepada orang awam sejak semalam. -UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.